

(1)



**UCAPAN BAJET NEGERI MELAKA  
TAHUN 2018**

**OLEH:**

**YAB DATUK SERI UTAMA Ir. (DR) HJ IDRIS BIN HJ HARON  
KETUA MENTERI MELAKA**

**KETIKA MEMBENTANGKAN  
RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (2018) 2017**

**“MERANCAKKAN PERTUMBUHAN EKONOMI  
MELESTARI PEMBANGUNAN DEMI  
KESEJAHTERAAN RAKYAT”**

**27 NOVEMBER 2017 (ISNIN), 8 RABIULAWAL 1439 H  
DEWAN UNDANGAN NEGERI MELAKA**

---

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**

**Bismillahirrahmanirrahim.**

**Salam Sejahtera, Salam 1 Malaysia,  
Salam Melaka Maju Negeriku Sayang,  
Negeri Bandar Teknologi Hijau,  
Melaka 755 Tahun, Melaka Maju Fasa Ke-2.  
Berkat, Tepat, Cepat.**

**YB Datuk Wira Speaker;**

1. Saya mohon mencadangkan supaya rang Undang-undang bertajuk “Suatu Enakmen Perbekalan (2018) 2017 untuk membolehkan kegunaan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi maksud perbelanjaan pengurusan tahun 2018” dibaca bagi kali kedua.

**Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,**

**Ahli-Ahli Yang Berhormat;**

**Mukadimah**

Saya mulakan pembentangan Bajet 2018 dengan memetik Firman Allah SWT dalam surah Al-Zukhruf, ayat 32:

أَهُوَ يَقْسِمُونَ رَحْمَتَ رَبِّكَ نَحْنُ قَسْمَنَا بَيْنَهُمْ مَعِيشَتُهُمْ فِي الْحَيَاةِ  
الْدُّنْيَا وَرَفَعْنَا بَعْضَهُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَاتٍ لِّيَتَّخِذَ بَعْضُهُمْ بَعْضاً  
سُخْرِيَاً وَرَحْمَتَ رَبِّكَ خَيْرٌ مِّمَّا يَجْمَعُونَ

Maksudnya: "(Mengapa pemberian Kami itu mereka ingkarkan?) Adakah mereka berkuasa membahagi-bahagikan (perkara-perkara kerohanian dan keagamaan yang menjadi sebesar-besar) rahmat Tuhanmu (wahai Muhammad, seolah-olah Kami hanya berkuasa dalam perkara kebendaan dan keduniaan sahaja? Mereka tidak ingkarkan): Kami membahagi-bahagikan antara mereka segala keperluan hidup mereka dalam kehidupan dunia ini, (setengahnya Kami jadikan kaya raya dan setengahnya miskin menderita); dan juga Kami telah menjadikan darjat setengah mereka tertinggi dari darjat setengahnya yang lain; (semuanya itu) supaya sebahagian dari mereka senang mendapat kemudahan menjalankan kehidupannya dari (bantuan) setengahnya yang lain. Dan lagi rahmat Tuhanmu (yang meliputi kebahagiaan dunia dan akhirat) adalah lebih baik dari kebendaan dan keduniaan semata-mata yang mereka kumpulkan". (Surah Al-Zukhruf, ayat 32).

**Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,  
Ahli-Ahli Yang Berhormat;**

2. Maka mengambil iktibar daripada ayat ini, Kerajaan Negeri berpendirian memacu pertumbuhan ekonomi secara progresif untuk mencipta kegemilangan dengan menggunakan sumber hasil secara optimum dan berhemah demi manfaat dan kesejahteraan rakyat khususnya dan negeri Melaka amnya.
3. Seawal dan semulia akhlak Nabi Muhammad SAW dan di pagi Isnin yang ceria bertarikh 27 November ini, marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah, izin serta innayah-Nya, saya dan Ahli-Ahli Yang Berhormat dapat berhimpun sekali lagi dalam Dewan yang mulia ini, sebuah institusi simbol

(4)

kedaulatan negeri untuk melaksana amanah dan tanggungjawab membentangkan Bajet 2018 bagi Negeri Melaka.

4. Saya teruja apabila melihat rakan-rakan seperjuangan berada di dewan ini. Saya juga tidak dapat menyembunyikan rasa seronok melihat rakan-rakan di sebelah sana yang kelihatan segak dan bersemangat.
5. Ibarat kata pepatah: "*Elok kata dalam muafakat, buruk kata di luar muafakat, bekerja secara ganding-berganding, bahu-membahu adalah resepi kejayaan.*"
6. Meskipun daripada bahtera yang berbeza, tetapi saya percaya matlamat kita tetap sama iaitu untuk berkhidmat kepada rakyat dan negeri Melaka yang kita cintai ini.

**Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,  
Ahli-Ahli Yang Berhormat;**

**Belasungkawa**

7. Sebelum saya membentangkan bajet ini, marilah kita menginsafi diri dan bertafakur seketika dan melafazkan Al-Fatihah bagi mengenang mereka yang telah pergi meninggalkan dunia yang fana ini.
8. Saya dan seluruh rakyat Melaka berduka di atas kemangkatan Yang di-Pertuan Agong keempat belas (14), berjiwa rakyat, Sultan Kedah, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah, pada 11 September 2017.

9. Begitu juga dengan pemergian beberapa pemimpin iaitu Allahyarhama Datin Azizah binti Hashim, isteri mantan ADUN Sungai Rambai, Allahyarham Datuk Aziz Abd Ghani, mantan Pengerusi Gerakan Melaka, mendiang Datuk Lee Ah Fatt dan bekas Setiausaha Agung DAP, mendiang Kerk Kim Hock. Kita juga bersedih dengan kebakaran yang mengorbankan 23 pelajar dan dua penjaga Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah baru-baru ini, musibah banjir yang berlaku di Pulau Pinang dan Kedah, penderitaan serta kesengsaraan etnik Rohingya yang teraniaya di Myanmar dan gempa di Timur Tengah.

10. Al-Fatihah bagi mereka yang beragama Islam. Semoga roh-roh mereka ditempatkan dalam kalangan orang-orang yang beriman.

**Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,  
Ahli-Ahli Yang Berhormat;**

11. Gagasan mahupun prakarsa negeri ini sejak 6 dekad lalu telah dimeterai dan dipateri oleh tokoh kepimpinan terdahulu dengan penuh bijaksana dan berhikmah, dipasak dengan realiti dan berangka serta komposisi kemajmukan rakyat.

12. Bersandar kepada premis yang kukuh ini, maka untuk kali ke-5, saya bagi pihak kerajaan, yang memegang amanah dan tanggungjawab selaku Ketua Menteri ke-10, akan membentangkan Bajet 2018 pada pagi ini.

13. Dengan tema, ‘Merancakkan Pertumbuhan Ekonomi, Melestari Pembangunan Demi Kesejahteraan Rakyat’ bajet terakhir sebelum Pilihan Raya Umum ke-14 ini akan mengandungi pencapaian-pencapaian Kerajaan Barisan Nasional sejak 2013 menerajui Melaka.

14. Sehingga kini, kedudukan *fundamental* ekonomi negeri masih kukuh dan kekal berada di landasan yang tepat. Tidak dinafikan, masih banyak usaha pembangunan yang perlu ditingkatkan terutama dalam konteks pembangunan sosio-ekonomi dan infrastruktur serta kemudahan asas dalam episod kedua Melaka Maju Fasa Ke-2.

### **Terima Kasih TYT TUN**

15. Saya bersyukur kerana dibantu secara dekat oleh Tuan Yang Terutama, Tun Datuk Seri Utama Dr Mohd Khalil Yaakob, Gabenor Negeri yang memiliki minat mendalam terhadap kemajuan dan kesejahteraan rakyat. Dengan segala pengalaman dan pengetahuan, Tuan Yang Terutama Tun umpsama *The Walking Dictionary*.

16. Tidak terlewat untuk saya dan para penjawat awam serta rakyat mengucapkan Selamat Hari Jadi yang ke-79 kepada Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Dr. Mohd Khalil Bin Yaakob serta setinggi-tinggi tahniah dan syabas di atas kejayaan memperolehi Ijazah Doktor Falsafah (PHD) dalam bidang sejarah dari Kolej Universiti Islam Melaka baru-baru ini.

17. Semangat dan iltizam yang dimiliki Tun memberi inspirasi kepada kita bahawa tiada apa yang mustahil untuk digapai dalam hidup jika ada kesungguhan dan komitmen sekali gus memberi kekuatan dan semangat kepada kerajaan untuk terus gigih menjayakan agenda pembangunan negeri.

18. Saya dan barisan kepimpinan negeri serta penjawat awam dan rakyat Melaka mendoakan Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat

Berbahagia Toh Puan serta anakanda dan cucunda sentiasa berada dalam lindungan Allah SWT, dimurahkan rezeki, sihat sejahtera sepanjang masa untuk terus memayungi Negeri Melaka.

*Hang Tuah bermain senjata,  
Bijak beraksi tiada bandingan,  
Melaka harmoni aman sentosa,  
Gabenor Tun tonggak sanjungan.*

**Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,  
Ahli-Ahli Yang Berhormat;**

**Kejayaan dan Pengiktirafan**

19. Bagi pihak Kerajaan Negeri, saya menjunjung kasih ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Sultan Muhammad ke-5 yang ditabalkan sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-15 pada April lalu.
20. Melaka negeri bertuah kerana negeri pertama mendapat perkenan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, Sultan Muhammad ke-5 sempena Lawatan Tugas-Tugas Khas baginda pada Mac lalu.
21. Semoga di bawah payung kedaulatan Tuanku Muhammad ke-5, Malaysia terus dikurnia segala keberkatan serta kebesaran, keamanan dan kemakmuran serta sejahtera selamanya.

**Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,  
Ahli-Ahli Yang Berhormat;**

22. Kerajaan Negeri mengucapkan tahniah kepada Badan Amal Kebajikan Isteri Wakil Rakyat Barisan Nasional Melaka atau BISTARI kerana berjaya menjadi tuan rumah acara sukan Program Tahunan Isteri Wakil-Wakil Rakyat Barisan Nasional Se-Malaysia (PIWRBNM) 2017 yang berlangsung dari 22 hingga 26 November 2017. Program ini telah mendapat pujian pelbagai pihak dan ia juga telah membantu meningkatkan jumlah pelancong.

23. Tahniah dan syabas juga kepada semua yang menjayakan program *Gen Y Green the City* semalam yang berjaya menghimpun 80,000 ribu anak muda di Dataran 1 Malaysia dengan *highlight event* penanaman ‘*kapsul masa*’ yang mengandungi warkah serta amanat YAB Perdana Menteri yang akan dibaca pada 1 Januari 2050.

24. Tahun 2017, Melaka menjadi tuan rumah kepada banyak acara bertaraf kebangsaan dan antarabangsa sekali gus membuktikan bahawa negeri kecil ini telah mencapai tahap *World’s Convention Centre*. Antaranya:

- Festival Antarabangsa Sungai Melaka pada 18 November 2017 dengan persembahan epik Panglima Awang atau *Henry the Black*;
- *The 13th Asia Pacific Roundtable on Sustainable Consumption and Production* pada 24 Oktober 2017;
- Persidangan *Urban Environmental Accords (UEA) Melaka Summit* kali ke-4 dari 7 hingga 9 September 2017;

(9)

- Tilawah Al-Quran dan Majlis Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan pada 3 April 2017 - peserta Melaka berjaya meraih johan keseluruhan kategori hafazan;
  - Persidangan *Asia Urban Youth Assembly (AUYA)* pada 25 Mac dan banyak lagi.
25. Bagi pencapaian dalam pembangunan hijau:
- Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) menerima anugerah *Clean Air for Small Cities* daripada *Asean Working Group On Environmental Sustainable Cities* sempena *The 5<sup>th</sup> Asean State Environment* di Brunei Darussalam pada 12 September 2017 dan Anugerah Penghargaan Perlaksanaan Inisiatif Pembangunan Kejiranan Hijau 2017 daripada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan sempena Hari Perancangan Bandar sedunia 2017;
  - Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) menerima anugerah *1 Diamond Rating* daripada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau (KETTHA) pada 13 Oktober 2017 kerana berjaya mengurangkan pelepasan karbon sebanyak 911.24 tan C02 atau 9.03 peratus di kawasan kajian *Low Carbon Cities Framework (LCCF)* MPHTJ bagi tahun 2016; dan
  - Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), juara *Innovation Award IGEM 2017* kerana mencipta produk *Pico Hydro Generation System*-menjana tenaga elektrik menggunakan kuantiti air yang sedikit sempena *The International Greentech & Eco Products Exhibition & Conference (IGEM)* pada 12 Oktober 2017.

(10)

26. Dalam bidang sukan, Melaka terus cemerlang;

- Pada kejohanan Sukan SEA 2017, seramai 37 atlet berjaya merangkul pingat dengan empat belas (14) emas, dua puluh (20) perak dan lima belas (15) gangsa;
- Raja pecut kelahiran Melaka, Khairul Hafiz Jantan atau *The Speedy Jantan* muncul sebagai manusia terpantas di rantau Asia Tenggara selepas meraih emas 100 meter di Sukan Sea 2017. Pada Kejohanan Olahraga Terbuka Malaysia Ke-94 di Stadium Nasional Bukit Jalil beliau mendapat emas dalam acara 200 meter dan memecah rekod kebangsaan dengan masa 20.90 saat milik Tan Sri Dr. M Jegathesan yang dibuat pada Oktober 1968 di Sukan Olimpik Mexico. Beliau turut memenangi acara 4 x 100m dalam kejohanan olahraga terbuka Vietnam 2017 di Ho Chi Minh;
- Atlet Para ASEAN, Zahidi Lamsah, pemain boling kerusi roda yang juga kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat memenangi emas trio lelaki campuran di sukan Para ASEAN Kuala Lumpur 2017 pada 21 September 2017;
- Pasukan bolasepak Melaka United kekal beraksi dalam Liga Super musim hadapan dengan kedudukan di tempat ke-8 daripada 12 pasukan musim ini;
- Dari segi *Venue*, Stadium Hang Jebat terus menjadi tumpuan dan pilihan pelbagai Perlawanan Bolasepak Antarabangsa. Antaranya Pasukan '*Harimau Malaysia*' untuk Perlawanan Persahabatan Malaysia menentang Macau dan Syria dan padang Latihan Perlawanan bersama Hong Kong; dan
- MUSA juga diberi kepercayaan oleh AFC dan FAM mengelola kelayakan Piala Dunia Rusia 2018 Peringkat Asia di mana pasukan

Syria menjadikan Stadium Hang Jebat sebagai tuan rumah bagi menentang Uzbekistan; Qatar; China; Australia dan perlawanan persahabatan dengan Iraq.

27. Kerajaan negeri mengucapkan tahniah dan syabas kepada empat (4) jabatan yang telah mencapai penarafan lima bintang iaitu tahap sangat baik di dalam Pengurusan Kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AI) iaitu dengan catatan markah tertinggi kepada Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri 97.67 peratus; Jabatan Ketua Menteri 95.95 peratus; Pejabat Tanah dan Galian 92.76 peratus; Majlis Agama Islam Negeri 90.22 peratus manakala enam (6) jabatan dan agensi mencapai pengiktirafan empat bintang iaitu penarafan di tahap baik.
28. Semoga pengiktirafan dan penganugerahan ini tidak terhenti di sini. Pencapaian ini juga menggambarkan bahawa pengurusan kewangan dalam perkhidmatan awam di Melaka berada di landasan yang tepat serta kukuh dalam memacu kecemerlangan ke arah urus tadbir terbaik.

**Yang Berhormat Datuk Wira Speaker;**

**Ahli-Ahli Yang Berhormat;**

**Prestasi Dan Kedudukan Ekonomi Negara**

29. Bagi pihak Kerajaan Negeri, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YAB Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, Datuk Seri Utama Mohd Najib bin Tun Abdul Razak kerana berjaya merencana bajet yang inklusif berpandu kepada kerangka Maqasid Syariah.

30. Malah ia digubal selaras dengan aspirasi Rancangan Malaysia Ke-11 dengan memastikan kemakmuran dan kekayaan negara dapat dinikmati secara saksama dan kesamarataan.

31. Separuh tahun pertama 2017 menyaksikan ekonomi negara mencatat unjuran pada kadar 5.7 peratus. Sehingga 13 Oktober 2017, rizab antarabangsa negara berada di kedudukan 428.7 billion ringgit. Kerajaan menjangka pendapatan perkapita 2018 meningkat 5 peratus kepada 42,777 ringgit berbanding tahun semasa, 40,713 ringgit.

32. Laporan Daya Saing Global 2016 hingga 2017 oleh Forum Ekonomi Dunia di Switzerland meletakkan negara di kedudukan ke-25 daripada 138 negara sekali gus kekal dalam kalangan 20 negara teratas paling berdaya saing dan di kedudukan paling tinggi dalam kalangan negara-negara membangun Asia.

33. Manakala Laporan Menjalankan Perniagaan Bank Dunia 2018 menyaksikan Malaysia kekal berada dalam kelompok 25 negara teratas senarai 190 ekonomi global tahun 2017 berikutan persekitaran perniagaan yang baik dengan New Zealand sebagai paling mesra perniagaan di dunia mengatasi Singapura dan Denmark diikuti Korea Selatan dan Hong Kong.

34. Kesemua kejayaan ini telah dijadikan asas oleh Kerajaan Persekutuan dalam menyajikan Bajet 2018 berdasarkan lapan (8) Pe-Tunjang utama iaitu: -

- Merancak Pelaburan Perdagangan dan Industri;
- Menuju Aspirasi Transformasi Nasional 50;

(13)

- Mengungguli Pembangunan Pendidikan, Latihan dan Kemahiran serta Bakat;
- Memacu Pembangunan Inklusif;
- Mengutamakan Kesejahteraan Rakyat dan Peluang Menjana Pendapatan;
- Mempersiaga Revolusi Perindustrian Keempat dan Ekonomi Digital;
- Meningkatkan Kecekapan dan Penyampaian GLC dan Perkhidmatan Awam; dan
- Mengimbangi *Par Excellence* Duniawi dan *Par Excellence* Ukhrawi.

**Yang Berhormat Datuk Wira Speaker;**

**Ahli-Ahli Yang Berhormat;**

**Senario Ekonomi Negeri**

35. Dalam tempoh 2013 ke 2016, pencapaian ekonomi Negeri Melaka semakin mengukuh dan mampan susulan daripada pelbagai dasar yang digubal dan bermacam program yang dirangka. Pertumbuhan ekonomi Melaka meningkat dari 2.4 peratus tahun 2013 kepada 4.5 peratus tahun 2016 mengatasi prestasi ekonomi nasional iaitu 4.2 peratus.

36. Sektor perkhidmatan seperti pelancongan merupakan penyumbang utama ekonomi negeri sebanyak 45.9 peratus meningkat 17.6 peratus dari 12.9 juta ringgit tahun 2013 kepada 15.2 juta ringgit tahun 2016, diikuti dengan sektor pembuatan 40.7 peratus, pertanian 10.6 peratus dan pembinaan 2.5 peratus.

37. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Negeri Melaka telah merekodkan peningkatan yang amat memberangsangkan daripada 27.9 juta ringgit tahun 2013 kepada 33.1 juta ringgit tahun 2016.

38. Dalam ketidaktentuan ekonomi global, kadar pengangguran di Melaka masih terendah iaitu berada di bawah 0.9 peratus sejak 2013 dan usaha-usaha masih diteruskan bagi mencapai sifar pengangguran.
39. Manakala, kadar inflasi kekal sederhana dan terkawal dengan purata 2.25 peratus sejak 2013.
40. Pendapatan isi rumah bulanan purata Negeri Melaka meningkat 6.2 peratus daripada 6,046 ringgit tahun 2014 kepada 6,849 ringgit tahun 2016 berdasarkan Laporan Penyiasatan Statistik 2016.
41. Begitu juga dengan pendapatan per kapita negeri, meningkat 41,363 ringgit tahun 2016 berbanding 35,699 ringgit tahun 2013. Sepertimana Laporan *Global Finance*, angka ini menghampiri taraf negeri berpendapatan tinggi iaitu bersamaan 9,850 dollar Amerika atau 40,565 ringgit.
42. Berdasarkan persekitaran positif dan langkah-langkah strategik yang diambil oleh Kerajaan dibantu oleh jentera pentadbiran negeri, ekonomi Melaka dijangka bertumbuh pada kadar 5 hingga 6 peratus pada tahun 2018.

**Yang Berhormat Datuk Wira Speaker;**  
**Ahli-Ahli Yang Berhormat;**

**Bajet Negeri 2018**

43. Kita sedia maklum, Bajet adalah pembentangan rancangan pembangunan, pengurusan dan penambahbaikan oleh Kerajaan Negeri

bagi tahun mendatang. Bajet 2018 digubal dengan tema “*Merancakkan Pertumbuhan Ekonomi, Melestari Pembangunan Demi Kesejahteraan Rakyat*”.

44. Tema ini mencerminkan komitmen dan kesungguhan Kerajaan Negeri untuk melaksana agenda pembangunan secara berterusan dan berdaya mampan berlandaskan tiga strategi utama:-

Pertama : Merangsang Ekonomi Negeri bagi Memperkuatkannya  
Kualiti Hidup Rakyat;

Kedua : Meneruskan Agenda Sosial serta Pembangunan Negeri;  
dan

Ketiga : Memperkasa Pembangunan Modal Insan.

45. Bajet Negeri Melaka Tahun 2018 memperuntuk sejumlah 373.67 juta ringgit dengan 363.70 juta ringgit untuk perbelanjaan bekalan seperti di dalam Rang Undang-undang Enakmen Perbekalan (2018) 2017 dan 9.97 juta ringgit untuk perbelanjaan tanggungan sekali gus menyaksikan peningkatan 24.89 juta ringgit berbanding 2017 iaitu 348.78 juta ringgit

46. Di bawah perbelanjaan mengurus, 110.15 juta ringgit diperuntukkan untuk bayaran emolumen bagi pegawai tetap, 156.39 juta ringgit bagi menampung perkhidmatan dan bekalan termasuk bayaran emolumen pegawai kontrak serta pembelian aset sebanyak 3.13 juta ringgit.

47. Pelbagai pemberian dan kenaan bayaran tetap berjumlah 101.44 juta ringgit adalah untuk sumbangan bayaran gaji kepada agensi dan anak-anak syarikat, sumbangan kepada pelbagai Persatuan dan Badan

Bukan Kerajaan seperti golongan wanita, pasukan keselamatan, anggota veteran dan lain-lain perbelanjaan sejumlah 2.56 juta ringgit.

48. Kerajaan Negeri masih mengekalkan bajet pembangunan sebanyak 60 juta ringgit bagi membiayai projek-projek pembangunan yang sebilangan besarnya untuk membiayai projek-projek sambungan dan projek baharu. Sebanyak 11 juta ringgit kepada Jabatan Kerja Raya, 16.23 juta ringgit kepada Jabatan Ketua Menteri, 10 juta ringgit kepada Jabatan Agama Islam Melaka, 11.42 juta ringgit kepada semua Pejabat Daerah 6.25 juta ringgit kepada Jabatan Pengairan dan Saliran dan lain-lain perbelanjaan pembangunan sejumlah 5.1 juta ringgit.

49. Walaupun secara hakikatnya kek perbelanjaan pembangunan negeri hanya 16.05 peratus atau 1 per enam daripada keseluruhan bajet negeri, tidak bermaksud metafora pembangunan negeri terbantut. Kerajaan negeri telah mengambil ketetapan akan melestari misi pembangunan menerusi Agensi dan Badan Berkanun Negeri.

50. Hasil Kerajaan Negeri bagi tahun 2018 dianggar berjumlah 373.95 juta ringgit dengan Hasil Cukai 153.95 juta ringgit, Hasil Bukan Cukai 163.40 juta ringgit dan Terimaan Bukan Hasil 56.60 juta ringgit. Kutipan hasil dijangka meningkat 24.94 juta ringgit atau 7.15 peratus lebih tinggi berbanding anggaran kutipan hasil 2017.

51. Dengan mengambil kira kadar hasil melebihi jumlah perbelanjaan, Kerajaan Negeri sekali lagi membentangkan bajet lebihan (*surplus*) sejumlah 0.28 juta ringgit di dewan yang mulia ini.

52. Bajet Lebihan 2018 menunjukkan kerajaan terus berusaha memperkuuh sumber kewangan negeri dengan meningkatkan kutipan hasil di samping menanam sifat berbelanja secara berhemah.

53. Kerajaan Negeri menekankan penyediaan bajet dengan memperketat proses kawalan ke atas perbelanjaan mengurus dan pembangunan supaya tidak melebihi anggaran hasil yang dikutip bagi mengimbangi kesinambungan komitmen perkhidmatan kerajaan dan pembangunan jangka panjang.

54. *By doing the right thing right*, kerajaan dapat melaksana perolehan yang menguntungkan secara *efficient* dan *outcome based* ke atas semua program dan projek.

**Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,  
Ahli-Ahli Yang Berhormat,**

**STRATEGI PERTAMA:**

**MERANGSANG EKONOMI NEGERI BAGI MEMPERKUKUH KUALITI  
HIDUP RAKYAT**

55. Kita bertuah kerana pemimpin negara mempunyai visi jauh ke hadapan. Hasil buah fikiran YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Najib Tun Razak, maka wacana Transformasi Nasional 2050 atau TN50 digagas bagi menyedia generasi baharu untuk memeta hala tuju negara.

56. Negeri Melaka sememangnya sedang menuju ke arah itu bagi mencapai status negeri maju berpendapatan tinggi dan berteknologi hijau menjelang tahun 2020.

57. Pelbagai strategi dirangka dengan fokus utama ialah menambah sumber pendapatan negeri melalui usaha galakan pelaburan tempatan mahupun asing.

### **Pelaburan**

58. Sehingga pertengahan 2017, nilai pelaburan yang diluluskan MIDA di Melaka ialah 2.88 bilion ringgit, kedua tertinggi di Malaysia berbanding 1.35 bilion ringgit tahun 2016 dengan pelaburan domestik 2.05 bilion ringgit dan pelaburan luar negara 0.83 bilion ringgit, menyaksikan peningkatan pelaburan sebanyak 213 peratus.

59. Dengan sasaran purata 5 bilion ringgit nilai pelaburan setiap tahun, kerajaan terus mempromosi Melaka sebagai destinasi pelaburan terunggul di rantau ini.

### **Hubungan Melaka - China**

60. Salah satu kaedah meningkatkan pelaburan ialah dengan menjalin hubungan persahabatan Melaka dan China yang telah dimulakan sejak Allahyarham Tun Abdul Razak, khususnya dalam cadangan menggalakkan laluan perdagangan laut dan darat yang pernah berlaku pada zaman kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka sekitar abad ke-13.

61. Hasrat ini juga selari dengan cadangan Presiden China, Xi Jinping yang menggelar laluan berkenaan sebagai *The 21st Century Maritime Silk Road*.

62. Susulan perjanjian persahabatan di antara Melaka dan Wilayah Guangdong, beberapa kejayaan terhasil di mana Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka telah menerima penerbangan dari *China Southern Airlines* pada September 2016, manakala Pusat Kebudayaan dan Pelaburan Melaka di Zhuhai telah mendapat sambutan dengan menerima seramai 79,000 pengunjung sejak dibuka pada Mac 2016.

63. Kerajaan Negeri juga sedang bekerjasama dengan beberapa syarikat penerbangan seperti *Air Asia* dan *Xpress Air* untuk mewujudkan laluan baharu ke Guangzhou.

64. Pada April lalu, Kerajaan Negeri Melaka telah membuat lawatan kerja ke Beijing, Urumqi, Chengdu dan Shanghai bagi menjalin kerjasama dalam pelbagai bidang dengan wilayah-wilayah tersebut dan hasilnya memberi pulangan positif kepada Melaka.

65. Sehingga kini, ekonomi Melaka masih berdaya tahan dan terus meningkat dengan jumlah pelaburan sejak 2013 mencecah 17.1 bilion ringgit dengan 10.7 bilion ringgit pelaburan domestik dan 6.4 bilion ringgit pelaburan asing menyaksikan 80 peratus pencapaian daripada sasaran sebanyak 22 bilion ringgit nilai pelaburan sepanjang hampir empat tahun setengah menerajui negeri ini.

66. Jumlah pelaburan ini tidak mengambil kira pelaburan yang bakal diterima daripada beberapa pelaburberpotensi hasil lawatan kerja ke China dan dengan pelaburan lain yang sudah dipersetujui. Antaranya:

- Pelaburan oleh *Power China Resources* dengan *Edra Energy* yang dianggarkan bernilai 8.75 bilion ringgit di Telok Gong, Alor Gajah bagi membina Stesen Jana Kuasa Arang Batu.

(20)

- Shenzhen Flight Industrial Investment Company Limited bagi membangunkan *Industrial Aerospace Technology City* 5 bilion ringgit;
- Pelaburan oleh Syarikat Arta Holdings Sdn Bhd bagi membangunkan Melaka Halal Valley (MHV) bersama PKNM sebagai pusat pengeluar daging halal bernilai 2.5 billion ringgit;
- Pelaburan tambahan oleh *Syarikat Xinyi Energy Smart* untuk fasa 2 dan 3 yang dianggarkan bernilai 2.1 bilion ringgit di Elkay Industrial Park, Lipat Kajang;
- Syarikat *Antares Tyre Manufacturing (M) Sdn.Bhd* yang dianggarkan sejumlah 1.2 bilion ringgit di Elkay Industrial Park, Lipat Kajang;
- *Rainter Technology* daripada Taiwan yang dianggarkan berjumlah 1 bilion ringgit di Sempang, Merlimau dengan keluasan 20 ekar bagi memproses air laut kepada air minuman;
- Pelaburan tambahan daripada *Konica Minolta* iaitu pembangunan Pusat Industri Pintar (SIC) di Bukit Rambai berjumlah 0.25 billion sehingga ke 1 bilion ringgit; dan
- Projek pembesaran operasi Syarikat Infineon Technologies Malaysia sejumlah 0.3 bilion ringgit.

### **Melaka Gateway**

67. Selain itu, kerajaan negeri akan terus melihat projek-projek di bawah Melaka Gateway yang melibatkan kawasan seluas 1,516.31 ekar. Projek inisiatif swasta ini merangkumi pembangunan bercampur di atas empat buah pulau buatan serta diiktiraf projek nasional di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara. Secara amnya, Melaka Gateway bakal memberi sumbangan seperti berikut:

- *Gross Development Value* - 42 Bilion Ringgit;

- *Gross Development Cost*- 30 Bilion Ringgit;
- *Multiplier Effect*- 91 Bilion Ringgit;
- *GST Revenue* - 1.4 Bilion Ringgit;
- *Employment Tax* - 333 Juta Ringgit; dan
- Negara akan menikmati kutipan cukai 8.5 bilion ringgit dalam tempoh 10 tahun akan datang.

### **Impression City**

68. Projek *Impression City* akan menjadi pembangunan pelancongan dan kebudayaan utama merangkumi 11 fasa dengan kemudahan serta komponen peruncitan dibangun serentak. Projek ini memaparkan kombinasi alam sekitar sebagai latar belakang digabungkan dengan teknologi pencahayaan dan bunyi. Konsep seni moden teater ini bakal dijayakan ramai artis kebudayaan dengan jangkaan 1.2 juta penonton setahun, 179 juta ringgit pendapatan dalam negara kasar (PDNK) serta 788 juta ringgit kepada pendapatan negeri.

### **Pelabuhan Kuala Linggi**

69. Projek penambakan laut dan pembangunan pelabuhan berkonseptan teknologi hijau bernilai 12.5 bilion ringgit di muara Sungai Linggi, Alor Gajah akan diteruskan. Projek di kawasan seluas 250 hektar berbentuk sebuah pulau itu akan dibangunkan secara berfasa yang bakal menyedia perkhidmatan minyak dan gas serta perkapalan sekali gus membantu meningkat dan merancak aktiviti ekonomi setempat dalam pelbagai sektor.

### **Hang Tuah Melaka Commercial Centre**

70. Jika Kerajaan Persekutuan mempunyai TN50 maka negeri Melaka tidak ketinggalan dengan idea TM50 yang menjadi asas kepada perancangan pembangunan Hang Tuah Melaka *Commercial Centre* (HTMCC) dalam tempoh 33 tahun akan datang.

71. Projek HTMCC yang dibangunkan oleh Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah mengandungi 34 komponen dengan komponen utama Menara Hang Tuah sebagai mercu tanda bandar raya moden dan bertaraf antarabangsa meliputi pusat pentadbiran dan kewangan, perniagaan dan perdagangan, pelancongan dan rekreasi, pendidikan dan kediaman di kawasan seluas 702 ekar meliputi Jalan Hang Tuah, Jalan Tun Ali dan Tun Mamat serta sepanjang jajaran Sungai Melaka parcel 2 sebagai mengimbangi pembangunan di sebelah pantai (kawasan tambak laut).

72. Pembangunan ini akan menambah nilai terhadap aspek ekonomi, sosial dan persekitaran alam bina yang lestari, responsif terhadap agenda pembangunan dan daya tahan bandar @ *urban resilience*. Sungai Melaka akan menjadi *spine* kepada laluan pejalan kaki dan basikal yang melalui pusat bandar raya serta mewujudkan pengangkutan air sebagai alternatif untuk pengunjung dan rakyat Melaka.

### **Sungai Rambai Sebagai Daerah Kecil**

73. Tanggal 1 Mac 2017 merupakan tarikh bersejarah bagi Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka apabila Jemaah Menteri Malaysia meluluskan cadangan mewujudkan Daerah Kecil Sungai Rambai sekali gus membolehkan pihak pentadbiran daerah merancang, menyusun dan

melaksana secara teratur pembangunan sekitar serta menyedia keperluan dan kemudahan asas penduduk tempatan.

74. Bagi tujuan itu, Kerajaan Negeri turut menyedia peruntukan bagi pembinaan pejabat daerah kecil Sungai Rambai serta akan membantu untuk melancarkan operasi pengurusan dan pembangunan. Dalam masa yang sama, Rancangan ICT Fizikal Negara Ketiga (RFN3) yang baharu telah mengangkat Sungai Rambai sebagai Pusat Katalis yang memberi fokus utama dalam aspek serta aktiviti perindustrian akuakultur dan pertanian.

75. Susulan itu, sebuah Pasar Tani kekal Melaka akan dibina oleh FAMA di Mukim Sungai Rambai bakal menjadi pelengkap kepada hasrat Kerajaan Negeri untuk memajukan industri hulu dan hiliran dalam sektor pertanian. Pembinaan dijangka bermula pada suku pertama tahun 2018. Masyarakat setempat dapat melaksanakan aktiviti kemasyarakatan yang bersesuaian dengan konsep “Hak Milik bersama Komuniti Setempat” sekali gus berupaya melonjak status pertanian tradisi kepada satu perniagaan yang lebih sistematik di samping menjamin permintaan yang berterusan untuk pasaran komoditi pertanian.

### **Pembangunan Teknologi Hijau**

76. Menurut Franklin D. Roosevelt: "*A nation that destroys its soils destroys itself. Forests are the lungs of our land, purifying the air and giving fresh strength to our people.*"

77. Kepercayaan negara luar kepada Kerajaan Negeri dalam merealisasi misi hijau semakin terserlah apabila dengan berani melantik saya, pemimpin dari sebuah negeri kecil ini sebagai Penggerusi Asian

*Green Growth Committee (AGGC) dan Pengurus Indonesian, Malaysian Thailand (IMTGT) Growth Triangle Green Council.*

78. Negeri Melaka juga merupakan satu-satunya negeri yang terpilih dari negeri-negeri di Malaysia dalam senarai *100 Resilient Cities* (100 Bandar Berdaya Tahan) oleh *Rockefeller Foundation*. Badan tersebut telah melantik Mohd Ridhwan Mohd Ali sebagai Ketua Pegawai Daya Tahan Bandar pertama di Malaysia.

79. Baru-baru ini, pada 10 dan 11 November 2017, Kerajaan Negeri mewakili Malaysia dalam dua majlis berprestij berkaitan teknologi hijau iaitu program *International Urban Cooperation (IUC)*, Program *1st City to City Event* di Brussel, Belgium dan *ICLEI South Asia Programme: Low Emission Development Strategies in Asia and Around the World* di Bonn, Jerman sekali gus menyaksikan kejayaan besar Melaka sebagai peneraju bandar mampan di negara ini khasnya dan global amnya.

80. Saya percaya, semua ini bukan ibarat "*bulat bergolek, pipih melayang*" atau *by plucking out of the air*, tetapi berkat kesungguhan dan semangat serta iltizam seluruh jentera pentadbiran kerajaan memastikan negeri ini terus memacu kemajuan dengan persekitaran yang lestari dan mampan.

81. Usaha memperkasa *Green Governance* – Tadbir Urus Hijau Negeri telah bermula secara serius dengan mewujudkan Perbadanan Teknologi Hijau Melaka pada 8 November 2013. Sejak itu, pelbagai pencapaian dan program yang membanggakan telah diperolehi.

82. Antaranya Projek Rehabilitasi Sungai Melaka, *Green City Action Plan*, *Green House Gas Inventory*, *Hang Tuah Jaya Green City*, Melaka

*World Solar Valley, Energy Efficiency and Smart Grid Pilot Project, Electric Vehicles (EV), Tranforms Street Lights to LED, Solid Waste Recycling, sifar penggunaan beg plastik dan polistrin serta banyak lagi.*

83. Benarlah kata pepatah, *'jikalau mahu melentur buluh, biarlah daripada rebungnya* "maka pada 20 Julai yang lepas, kita juga telah melancarkan secara rasmi program *Eco-Schools* bersama dengan *World Wildlife Fund for Nature* atau *WWF* bertujuan memupuk kesedaran tentang amalan memelihara dan memulihara alam sekitar dalam kalangan pelajar sekolah.

84. Kerajaan Negeri berharap Jabatan Pelajaran dan PTHM akan melipat ganda usahasama mendidik anak-anak muda kita dan untuk itu, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan sejumlah 0.3 juta ringgit kepada Perbadanan Teknologi Hijau Melaka untuk melaksana pelbagai program dan aktiviti di peringkat akar umbi.

### **Melaka Destinasi Pelancongan**

85. Sektor perkhidmatan, yang juga meliputi sektor pelancongan, kini memberi sumbangan tertinggi kepada KDNK negeri dan dijangka akan terus meningkat.

86. Tahun 2017, Melaka terus cemerlang dan tersenarai antara 10 destinasi pelancongan terbaik Asia sebaris Jepun, Kazakhstan, China, Singapura, Indonesia, India dan Sri Lanka oleh laman sesawang *Lonely Planet*.

87. Manakala the *British Post* meletakkan Melaka di tangga ke-5 di pentas dunia sebaris Reykjavik di Iceland, Veradero di Cuba, Fethiye di

Turki dan Alicante di Sepanyol dan lain-lain destinasi di Malaysia sebagai *The World's Trendiest Holiday Destination*.

88. *The World Street Food Congress 2017* turut mengiktiraf Melaka dalam Top 50 *World Street Food Awards* melalui Nyonya Mee Siam Donald & Lily's Melaka di tangga ke-34 dan satay Jalan Kuli di tangga ke-43.

89. Melaka juga dinobatkan sebagai destinasi pelancongan ke-2 popular di Malaysia oleh Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan (MOTAC) melalui penjenamaan pusat tarikan pelancong serta pemuliharaan keunikan seni budaya dan warisan serta dipilih menerima anugerah *The Prime Minister Tourism Award 2017*.

90. Pengiktirafan tertinggi *The Tourism Guru*'yang diberi kepada saya oleh majalah *WhereTo Travel & Lifestyle* menjadi pemangkin kepada harapan kerajaan meningkatkan jumlah pelancong.

91. Begitu juga dengan kempen kebersihan *Don't Mess with Melaka* yang membantu meningkatkan keselesaan pelancong apabila berada di negeri ini.

92. Tahun lalu, kita merekodkan 16.28 juta pelancong berkunjung ke negeri Melaka mengatasi rekod tahun 2013 iaitu 14.31 juta pelancong dengan sasaran 2017 ialah 16.75 juta pelancong dan jumlah bermalam 3.0 malam menyaksikan peningkatan 4.4 peratus pada kadar purata setiap tahun.

93. Sedar akan kepentingan industri pelancongan, maka pelbagai rancangan dan usaha dilakukan bagi meningkatkan kehadiran pelancong

termasuklah memperkenalkan produk pelancongan baharu iaitu Pusat Penternakan Penyu Karah di Masjid Tanah.

94. Berdasarkan rekod pelawat yang datang ke Pusat Penternakan Penyu Karah dari tahun 2013 hingga 2017, bilangan pelawat mencecah 179,484 orang. Rekod data statistik menyaksikan secara purata pendaratan penyu karah adalah antara 350 hingga 450 setiap tahun dengan jumlah purata penetasan 25,000 hingga 40,000 ekor anak penyu.

95. Bagi memperlihatkan kesungguhan ini, maka pada tahun 2018, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak 0.1 juta ringgit kepada Pejabat Perikanan Negeri Melaka untuk aktiviti pemuliharaan penyu.

96. Pada tahun 2018 juga, Kerajaan Negeri bercadang menaiktaraf dan membangunkan semula produk-produk pelancongan seperti berikut:-

- Kompleks Air Panas, Gadek melalui PKNM dengan anggaran peruntukan 1.0 juta ringgit;
- *Folks Art Gallery* oleh Perzim yang dianggarkan 0.5 juta ringgit;
- konservasi bangunan oleh Perzim ke atas 4 buah muzium negeri berjumlah 1.7 juta ringgit;
- membaikpulih kincir air sedia ada di tebing Sungai Melaka oleh MBMB dengan kos 1.0 juta ringgit;
- pembangunan Melaka *Snow World* di Planetarium Melaka dengan kos permulaan projek berjumlah 8.1 juta ringgit;
- baikpulih Paradise Melaka Village Resort oleh CMI dengan kos baikpulih dianggarkan berjumlah 60 juta ringgit; dan
- pembangunan semula Pulau Upah oleh CMI berkonsepkan Resort, *Spa & Wellness* dengan anggaran kos berjumlah 25 juta ringgit.

97. Kerajaan Negeri juga dalam usaha memajukan industri Eco-Pelancongan Paya Lebar, Ramuan China Besar, menaiktaraf kawasan Pantai Tanjung Bidara, Masjid Tanah serta projek Masjid Tanah River For Life yang dianggarkan berjumlah 19.4 juta ringgit daripada peruntukan Kerajaan Persekutuan.

98. Kerajaan Negeri turut menyediakan peruntukan berjumlah 1.2 juta ringgit kepada *Tourism Melaka* untuk mempromosi Melaka di samping memantau dan menyelia mutu produk-produk pelancongan sedia ada bagi mengekalkan momentum dan kualiti produk supaya tidak luput ditelan zaman.

### **Sektor Pertanian Dan Penternakan**

99. Satu anjakan paradigma adalah perlu untuk merekayasa semula pembangunan sektor pertanian termasuk perikanan. Pengeluaran sektor ini memberi nilai tambah yang tinggi kepada ekonomi, terutama dalam industri hiliran.

100. Untuk itu, Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah 1.0 juta ringgit untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan pengeluaran hasil pertanian dan industri agro.

101. Sektor penternakan pula bertekad melebarkan sayap industri penternakan unggas yang telah berjaya menjadikan negeri ini antara negeri pengeluar utama khususnya telur dan daging ayam.

102. Prestasi pengeluaran ternakan Negeri Melaka terus meningkat iaitu dari 1.1 juta ringgit tahun 2014 kepada 1.4 juta ringgit tahun 2016 sekali

gus menyerlahkan kemampuan negeri kecil ini sebagai pengeluar makanan utama negara.

103. Komoditi ini telah mencapai pengeluaran hasil melebihi tahap sara diri negeri dengan pengeluaran sebanyak 7.8 juta biji telur sehari dan membolehkan lebih pengeluaran tersebut dieksport keluar negeri Melaka, khususnya Singapura.

104. Bagi sektor ternakan ruminan (lembu, kerbau, kambing, bebiri), pengeluaran daging tempatan telah mencapai tahap sara diri 45 peratus, iaitu peningkatan sebanyak 15 peratus berbanding tahun 2014. Begitu juga dengan pengeluaran susu segar tempatan yang telah mencapai 70 peratus keperluan sara diri negeri.

105. Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan 1.0 juta ringgit untuk tujuan latihan, bimbingan serta khidmat sokongan kepada penternak-penternak kecil yang berdaya maju serta berpotensi untuk mentransformasi mereka sebagai penternak komersil.

## **STRATEGI KEDUA**

### **MENERUSKAN AGENDA SOSIAL SERTA PEMBANGUNAN NEGERI**

106. Pertumbuhan ekonomi adalah penting untuk pembangunan peradaban sesuatu bangsa. Sejarah menunjukkan kewujudan tamadun yang kuat disokong oleh kuasa ekonomi. Walau bagaimanapun pembangunan ekonomi tidak memadai untuk menjamin kesejahteraan. Tanpa pertumbuhan ekonomi, kesejahteraan juga sukar dicapai lantas ia merupakan prasyarat utama.

(30)

107. Oleh itu, model pembangunan ekonomi negeri perlu memberi penekanan mensejahterakan rakyat dengan membasmi kemiskinan, menambah baik dan memperluas kemudahan *basic amenities* seperti bekalan air, projek perumahan, kesihatan serta jajaran perhubungan dan pengangkutan kepada rakyat.

### **Bantuan Kepada Golongan Yang Memerlukan**

108. Sepertimana ayat yang saya bacakan di awal ucapan tadi, kita percaya kemiskinan bukanlah sesuatu yang patut diwarisi. Ia berlaku disebabkan sikap individu atau bencana, sakit dan hilang tempat bergantung.

109. Berdasarkan rekod Jabatan Statistik Negara, kadar kemiskinan di Melaka tahun 2016 adalah 0.0 peratus menurun berbanding 0.1 peratus bagi tahun 2014 dan sifar miskin tegar sejak tahun 2012.

110. Jumlah penerima bantuan tahun 2016 ialah 25,707 orang atau 82.8 juta ringgit menurun berbanding tahun 2013 iaitu 30,168 penerima atau 86.6 juta ringgit.

### **Bantuan Zakat Melaka**

111. Pada tahun 2018, Zakat Melaka mensasarkan kutipan sejumlah 75 juta ringgit iaitu peningkatan 3.3 peratus berbanding sasaran kutipan 2017 iaitu 72.5 juta ringgit.

112. Jumlah pembayar zakat juga meningkat daripada 32,019 orang kepada 42,841 orang dengan peningkatan kutipan zakat kepada 70.5 juta ringgit tahun 2016 daripada 53.1 juta ringgit tahun 2013.

113. Sebagai agensi yang bertanggungjawab mengurus dana zakat, MAIM telah menguruskan pengagihan 64.8 juta ringgit kepada lapan (8) asnaf sehingga Oktober 2017 termasuklah bantuan saraan hidup dan bantuan *one-off*.

### **Mengurangkan Kadar Kemiskinan**

114. Percaya dan sedar bahawa ilmu boleh merubah sikap asnaf fakir dan miskin serta nasib keluarga mereka, maka melalui pendekatan berfikir di luar kotak dengan konsep menyedia ‘pancing’ kepada asnaf, MAIM telah berjaya membantu mereka maju ke hadapan.

115. Kerjasama (NBOS) dengan pelbagai agensi seperti FAMA, MARA, IPT dan pihak swasta turut dilaksana bagi memberi pendedahan dan meningkatkan ilmu keusahawanan kepada asnaf termasuklah kursus pengurusan kewangan, perniagaan, kebersihan dan amalan baik.

116. Sehingga Oktober 2017, seramai 26 asnaf dikenalpasti berpotensi melangkah lebih jauh dalam bidang masing-masing. Sebagai contoh:

117. Puan Rosnah binti Hashim yang mengusahakan Perniagaan *Cleaning Services* adalah antara contoh asnaf MAIM yang berjaya keluar dari senarai penerima bantuan bulanan disebabkan pendapatan beliau sekeluarga 3 ribu ringgit melepas haddul kifayah asnaf miskin iaitu 960.00 ringgit bagi 4 orang isi rumah.

118. Selain itu, Encik Zaidi bin Omar pula merupakan asnaf MAIM yang telah mampu membuka sebuah premis perniagaan di Jalan Bandar Baru,

Masjid Tanah iaitu roti arab dan kacang pool. Beliau turut membantu memasarkan produk-produk asnaf lain dari kawasan sekitar.

119. Usaha ini telah menampakkan keberhasilannya dengan penurunan jumlah penerima bantuan MAIM tahun 2017 iaitu 5,971 orang berbanding 10,005 orang tahun 2013. Tahniah dan syabas MAIM.

Sesungguhnya benarlah sepertimana firman Allah SWT dalam Surah At-Taubah ayat 60:

﴿ إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمَلِينَ عَلَيْهَا  
وَالْمُؤْلَفَةِ فُلُوْجُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَرِيمَيْنَ وَفِي سَيِّلِ اللَّهِ  
وَأَبْنِ السَّيِّلِ فَرِيضَةٌ مِّنْ أَنَّ اللَّهَ وَاللَّهُ عَلَيْهِ حَمْدٌ كَيْمٌ ﴾  
٦٠

Maksudnya: “Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, amil-amil yang menguruskannya , dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekaan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (ketetapan hukum yang sedemikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana. ” (Surah At-Taubah, ayat 60).

### **Bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)**

120. Selanjutnya, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri memberi fokus dalam penyampaian perkhidmatan yang lebih berkualiti kepada golongan

sasar selari dengan hasrat YAB Perdana Menteri yang ingin menjadikan Tahun 2017 dan kesinambungannya pada Tahun 2018 sebagai *Year of Delivery*.

121. Sehubungan itu, sebagai merealisasi usaha tersebut, Kerajaan Negeri memperuntukkan 15 juta ringgit manakala Kerajaan Persekutuan memperuntukkan 65.6 juta ringgit kepada 24,505 penerima bantuan yang layak menerima bantuan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri. Jumlah penerima memperlihatkan penurunan berbanding tahun 2013 iaitu 30,168 orang.

122. Selain itu, Kerajaan Negeri turut melaksana *2 Years Exit Programme* bertujuan memberi peluang dan ruang kepada Penerima Bantuan supaya mampu berdaya saing dan produktif menjana pendapatan dan selanjutnya melepassi Paras Garis Kemiskinan.

123. Pada tahun 2017 sebanyak 157 ribu ringgit telah diperuntuk dan diagih kepada 50 penerima yang berminat dan produktif berupa bantuan Geran Pelancaran kepada penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang berhasrat memulakan perniagaan atau mempunyai perniagaan sedia ada untuk meningkatkan pendapatan dan membuka ruang pekerjaan kepada peserta lain.

### **Pembangunan Orang Kurang Upaya (OKU)**

124. Sehingga 31 Oktober 2017, seramai 21,475 Orang Kelainan Upaya (OKU) telah berdaftar dengan JKM dengan 1,905 orang kategori pendengaran, 1,606 orang kategori penglihatan, 95 orang kategori pertuturan, 8,129 orang kategori fizikal, 7,377 orang kategori masalah

pembelajaran, 1,670 orang kategori mental dan 693 orang kategori pelbagai.

125. Bagi mendukung kesaksamaan hak dan peluang golongan OKU, JKM telah melaksana Program *Job Coach* yang sehingga kini telah berjaya menempatkan 11 OKU di pelbagai sektor pekerjaan.

### **Pemerkasaan Warga Emas**

126. Warga emas juga turut dibela serta tidak pernah di pandang sepi. Pelbagai dasar dan program dilaksana supaya mereka boleh berdikari, mempunyai martabat diri, dihormati serta mengoptimum potensi diri dengan gaya hidup sihat dan positif, proaktif serta produktif.

127. Dalam merealisasi dasar tersebut, JKM telah mengenal pasti 14 orang warga emas yang sihat dan proaktif serta produktif sebagai jurulatih kesihatan kepada 628 orang warga emas berdaftar di bawah Pusat Aktiviti Warga Emas seluruh Melaka.

### **Akses Kepada Kesihatan Yang Berkualiti**

128. Bagi meluaskan skop kemudahan kesihatan yang berkualiti, beberapa projek diluluskan bagi memastikan kemudahan kesihatan dapat dinikmati dan mudah diakses oleh rakyat.

129. Antara projek pembangunan yang telah diluluskan di dalam *Rolling Plan* 1, Rancangan Malaysia Ke-11 bagi Jabatan Kesihatan Negeri Melaka adalah seperti berikut:

- Membina baharu Klinik Kesihatan (Jenis 3) dengan Kuarters Rembia Daerah Alor Gajah, Melaka dan dijadual siap pada 11 April 2018; dan
- Menaiktaraf Kuarters di Klinik Kesihatan Cheng, Daerah Melaka Tengah, Melaka bagi mewujudkan Pusat Perkhidmatan Hemodialisis Komuniti di Negeri Melaka dan akan dimulakan pada tahun 2018.

130. Terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana memilih negeri Melaka sebagai salah sebuah negeri bagi projek Hospital Kluster.

131. Jaringan perkhidmatan perubatan antara hospital dalam negeri Melaka juga boleh ditambah baik menggunakan sumber sedia ada dengan menjalin jaringan klinikal antara hospital bagi meningkatkan perkhidmatan kesihatan kepada masyarakat.

132. Saya yakin, melalui projek ini perwujudan Unit Rawatan Rapi di Hospital Alor Gajah dan High *Dependency Unit* di Hospital Jasin berjaya direalisasi selain perkhidmatan kepakaran Perubatan Dalaman diperluas di hospital berkenaan.

### **Program Perumahan Untuk Rakyat**

#### **Rumah Mampu Milik**

133. Rumah mampu milik menjadi isu penting di Malaysia selari dengan proses urbanisasi masyarakat. Bank Dunia dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengesyorkan kaedah tiga tahun pendapatan penengah sebagai penanda aras rumah mampu milik.

134. Pendapatan penengah Negeri Melaka tahun 2016 adalah 5,588 ringgit sebulan berbanding 5,126 ringgit sebulan bagi tahun 2015 iaitu peningkatan 5.3 peratus setahun. Ini bermakna jumlah pendapatan penengah untuk tiga tahun adalah 200 ribu ringgit. Maka, sesebuah rumah yang berharga 200 ribu ringgit atau kurang dianggap sebagai rumah mampu milik untuk Negeri Melaka.

135. Bagi golongan isi rumah berpendapatan terendah 40 peratus (B40), pendapatan penengah kumpulan B40 di bandar berdasarkan statistik tahun 2016 adalah 4,770 ringgit sebulan. Dengan pendapatan sebegini, golongan ini memerlukan rumah berharga 170 ribu ringgit ke bawah untuk mampu dimiliki.

136. Khazanah *Research Institute* (KRI) melalui kajian bertajuk *Making Housing Affordable* tahun 2015 melaporkan bahawa negeri yang menyediakan rumah pada harga yang sangat berpatutan dan mudah dimiliki di Malaysia ialah Melaka. Begitu juga dengan laporan yang dikeluarkan Bank negara tahun 2016 di bawah tajuk *Demystifying the Affordable Housing Issue in Malaysia*.

137. Dari tahun 2013 sehingga 2017, pembangunan Rumah Mampu Milik di Negeri Melaka telah mencapai sebanyak 62,620 unit. Daripada jumlah tersebut 10,174 unit Rumah Mampu Milik telah berjaya disiap dan diduduki, 24,244 unit di peringkat pembinaan, manakala 28,202 unit di peringkat perancangan dan telah mendapat kelulusan.

138. Kerajaan Negeri sentiasa mengamalkan konsep 'bina dan jual' rumah secara berperingkat bagi mengelak berlakunya lambakan projek perumahan tidak terjual di pasaran.

139. Sebagai mempermudah urusan maka, Kerajaan Negeri bersetuju meluluskan kadar bayaran premium nominal sebanyak 1 ribu ringgit bagi permohonan penukaran status tanah daripada pajakan kepada MCL melibatkan tanah-tanah di bawah kategori kegunaan kediaman.

140. Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan (LPM) akan membangunkan 16 projek perumahan mampu milik secara usaha sama dengan anggaran kos projek bernilai 4.7 billion ringgit. Antaranya adalah RMM Bandar Hijau Ayer Keroh, RMM Kuala Sungai Baru 2 dan RMM Merlimau 2 manakala Yayasan Melaka (YM) akan membangunkan 360 unit apartmen mampu milik setinggi 15 tingkat dengan anggaran kos berjumlah 64.8 juta ringgit.

### **Program Malaysia My Beautiful New Home (My BNHome)**

141. Hal ini disokong dengan Program Malaysia *My Beautiful New Home* (My BNHome) iaitu program perumahan kepada golongan berpendapatan rendah atau B40. Kerajaan membangunkan perumahan secara berkelompok atau sesebuah di atas tanah milik Kerajaan atau individu. Harga rumah 40 ribu ringgit seunit, berkeluasan 750 kaki persegi, 3 bilik tidur dan satu bilik air manakala Kerajaan akan menanggung subsidi berjumlah 20 ribu ringgit manakala baki 20 ribu ringgit lagi akan ditanggung oleh pemilik rumah.

142. Kerjasama Awam-Swasta di antara Lembaga Perumahan Melaka dan pemaju perumahan Wawasan Intact Properties Sdn Bhd juga telah mendapat pengiktirafan *The Malaysia Book of Record* dimana 277 unit Rumah Mampu Milik berjaya disiapkan dalam tempoh 8 bulan. Uniknya rumah tersebut dijual dengan harga 180 ribu ringgit lengkap dengan perabot kepada penjawat awam yang berkelayakan.

### **Projek Perumahan Rakyat (PPR)**

143. Pada masa ini, 2 buah projek Perumahan Rakyat (PPR) telah berjaya disiap serta diduduki iaitu PPR Krubong (600 unit) dan PPR Tehel (500 unit) mulai tahun ini.

144. Kerajaan Negeri melalui Kumpulan Melaka Berhad (KMB), akan membangunkan 255 unit rumah kediaman di Pulau Gadong, Klebang Besar bernilai 40 juta ringgit.

### **Projek Perumahan PRIMA**

145. Dalam pada itu, Kerajaan Negeri bersama KMB akan membina sebanyak 1,440 unit rumah PRIMA bernilai anggaran 286 juta ringgit.

### **Projek Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia**

146. Kerajaan negeri juga berhasrat memperluas program Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) ke seluruh daerah bagi membolehkan lebih ramai penjawat awam negeri dan Persekutuan memiliki rumah sendiri.

147. Pada masa ini, projek PPA1M telah siap dibina di Durian Tunggal dan 4 projek yang masih dalam pembinaan termasuklah di mukim Kesang, Ayer Panas, Cheng dan Bukit Baru melibatkan 1,475 unit rumah.

### **Melaka Negeri Paling Sejahtera**

148. Dengan segala usaha dan kesungguhan yang dilakukan, Melaka diiktiraf sebagai negeri paling sejahtera oleh laporan Kesejahteraan

Keluarga Malaysia 2016 yang dikeluarkan Kementerian Pembangunan, Wanita, Keluarga dan Masyarakat, dengan skor 8.28 berbanding peringkat kebangsaan 7.33 sekali gus membuktikan bahawa nilai kesejahteraan keluarga yang bermula di rumah di Melaka adalah terbaik di Malaysia. Tahniah dan syabas.

### **Jaringan Pengangkutan Awam**

149. Selain perumahan, Kerajaan Negeri juga menitikberatkan kemudahan infrastruktur seperti jalan raya sebagai penghubung kawasan bandar dan luar bandar, mengurangkan kesesakan di samping menyedia rangkaian laluan alternatif kepada semua pengguna.

### **Jejambat Bertingkat**

150. Pada masa kini, dua projek mega yang sedang dilaksana adalah pembinaan jejambat bertingkat di persimpangan Pusat Dagangan Antarabangsa MITC dan Persimpangan Peringgit yang menelan belanja 287.61 juta ringgit. Projek dijangka siap pada Jun 2018. Sehingga 13 Oktober 2017, kemajuan projek menghampiri 53.45 peratus.

151. Projek kedua iaitu pembinaan dua lorong tambahan bagi melengkapkan jalan empat lorong sepanjang 10 kilometer lebuh raya Sg Udang - Paya Rumput - Ayer Keroh, sudah 37 peratus pembinaannya dan dijangka siap pada 2019 dengan kos kira-kira 73.30 juta ringgit.

### **Lebuh Raya**

152. Di samping itu, terdapat perancangan pembinaan lebuh raya secara *Private Financing Initiative* (PFI) iaitu projek Lebuh Raya Pantai Barat

Hubungan Selatan yang merupakan sambungan Projek Lebuh Raya Pesisir Pantai Barat (Taiping-Banting). Laluan ini akan menjadi laluan alternatif yang berfungsi menyuraikan trafik dengan cadangan *intercharge* di Sungai Baru Ulu, Sungai Udang, Ayer Molek, Serkam dan Sungai Rambai.

### **Penyelenggaraan Jalan Raya**

153. Setiap tahun, Kerajaan Negeri menerima peruntukan pemberian penyelenggaraan jalan raya daripada kerajaan persekutuan yang dianggar berjumlah 93.6 juta ringgit bagi menyelenggara jalan negeri, jalan raya bandaran dan jalan pertanian.

154. Melalui peruntukan tersebut, Kerajaan Negeri telah melaksana kerja-kerja penyelenggaraan dan menaiktaraf jalan-jalan negeri termasuk jalan kampung demi keselamatan pengguna jalan raya. Peruntukan ini juga digunakan untuk bayaran kerja pemotongan rumput di atas rezab jalan.

### **Projek-Projek Baharu Dan Projek-Projek Sambung**

155. Kerajaan Negeri pada tahun 2018 turut menyedia peruntukan untuk melaksana projek-projek baharu dan projek-projek sambung merangkumi naiktaraf jalan di dua persimpangan Bemban dan persimpangan Jabatan Pendaftaran Negeri daerah Jasin dengan anggaran 1.9 juta ringgit, naiktaraf persimpangan balai polis Bukit Rambai dengan anggaran 1 juta ringgit dan naiktaraf persimpangan pekan Kuala Sungga, Alor Gajah 0.9 juta ringgit.

### **Projek Menaiktaraf Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka (LTAM)**

156. Projek Pembesaran dan Menaiktaraf Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka (LTAM) dijangka dilaksana tahun 2018 di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) dengan peruntukan 74 juta ringgit.

157. Antara komponen utama pembesaran adalah pemanjangan *runway* 2,135 meter kepada 2,665 meter, *parking apron* serta *partial parallel taxiway* bertujuan menampung pesawat kod 4C seperti Boeing 737 dan Airbus 320 yang mampu mendarat dan berlepas tanpa sebarang sekatan sekali gus menarik lebih ramai pengunjung dari negara China.

### **Projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi Kuala Lumpur-Singapura (HSR)**

158. Melalui projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi Kuala Lumpur Singapura (HSR), Melaka akan berperanan sebagai salah satu sub stesen di Mukim Durian Tunggal yang dijangka beroperasi menjelang tahun 2025.

159. Pada masa kini, agensi pelaksana sedang menyiapkan *Strategic Development Framework* di sepanjang koridor HSR. Reka bentuk stesen HSR diilhamkan oleh YAB Perdana Menteri sendiri menggunakan bentuk layar dagang dengan konsep yang mencerminkan identiti dan warisan Malaysia dan pada masa yang sama memaparkan *facet moden* dan *futuristic*.

### **Menaiktaraf Pelabuhan Tanjung Bruas**

160. Kerajaan Negeri melalui KMB Seaport Sdn. Bhd telah memulakan operasi pengurusan Pelabuhan Tanjung Bruas, Tanjung Kling Melaka untuk tempoh konsesi selama 30 tahun. KMB Seaport Sdn. Bhd. akan membangunkan kemudahan jeti sedia ada bagi menampung peningkatan jumlah kargo dalam bentuk kontena dan *bulk cargo* dengan membina kemudahan RORO bernilai 10 juta ringgit yang dijangka siap sebelum Mac 2018.

161. Di samping itu, KMB turut merancang membangunkan *Melaka Port City* menerusi aktiviti penambakkan laut seluas 1,500 ekar berhampiran Pelabuhan Tanjung Bruas dengan jangkaan operasi mulai Jun 2018. Pembangunan tersebut bertujuan penyediaan kemudahan berdasarkan aktiviti pelabuhan, *logistic, break bulk*, pergudangan dan penyimpanan.

### **Bekalan Air**

162. Pada tahun 2018 Kerajaan telah meluluskan projek menaiktaraf infrastruktur bekalan air di kawasan FELDA termasuk pembinaan sebuah loji air baharu di Bukit Bulat, Alor Gajah dengan nilai anggaran kos 13.8 juta ringgit.

163. Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB) juga telah memulakan Projek Pembesaran Loji Merlimau yang dianggarkan bernilai 128 juta ringgit melalui sumber pembiayaan dari Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB). Loji tersebut dijangka siap pada 2019 dan mampu membekal air ke kawasan Bandar Melaka terutama di kawasan pembangunan Bandar Hilir sehingga ke kawasan tambakan laut, Klebang dan Limbongan.

164. Bagi memastikan bekalan air sentiasa bersih, SAMB akan melaksana proses *Desalination Project* berpotensi menyahmasin air laut kepada air minuman serta mewujudkan *Coastal Reservoirs* di muara-muara sungai serta sebagai alternatif sumber air bersih kepada pengguna.

165. Kajian juga sedang diteliti bersama pihak Jabatan Pengairan dan Saliran, bagi menggunakan semula air yang terkumpul di kolam-kolam takungan banjir terpilih untuk dirawat serta dikitar semula sebagai bekalan air bersih di Melaka.

166. Bagi memastikan kelangsungan serta jaminan bekalan air mentah selari dengan kepesatan pembangunan fizikal dan permintaan domestik di Negeri Melaka Kerajaan Negeri sedang meneroka potensi storan air mentah di bahagian hilir sungai atau lebih dikenali sebagai *Off River Storage* (ORS) ini dengan nilai projek 310 juta ringgit di dalam *Rolling Plan Ke-3, RMK-11*.

167. Selain itu, Kerajaan Negeri juga melaksana kerja-kerja mendalamkan empangan Durian Tunggal dan *Bunded Storage*, masing-masing berjumlah 2 juta ringgit.

### **Projek Tebatan Banjir**

168. Kerajaan Persekutuan sentiasa prihatin terhadap masalah banjir yang melanda negeri dan susulan itu telah memperuntuk sebanyak 289.8 juta ringgit bagi rancangan tebatan dan mitigasi banjir di Sungai Duyong, Bandar Jasin, Alor Gajah dan Bandar Merlimau.

169. Selain itu, projek menaiktaraf sistem saliran Bandaraya Melaka yang dianggarkan 14.8 juta ringgit juga dijangka bermula awal tahun 2018 meliputi pembinaan rumah pam, bilik kawalan serta pemasangan pam dan sistem *scada*.

170. Kerajaan Negeri juga memperuntuk sebanyak 3.82 juta ringgit untuk kerja-kerja menggali dan mendalamkan muara Sungai Melaka dan Sungai Duyong serta 0.65 juta ringgit untuk membaikpulih hakisan pantai di Kampung Hailam.

171. Projek pembersihan dan pengindahan Sungai Melaka *Parcel 2* yang tertangguh sebelum ini dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2018 meliputi pembinaan perlindungan tebing (*river wall*), loji rawatan air berpusat, parit *interceptor* dari jambatan Tun Razak hingga ke jambatan Hang Jebat, pembinaan perangkap sampah (GPT) atau *trash screen* selain *water taxi* serta pembinaan *rain water harvesting*.

### **Meningkatkan Tahap Persekitaran Yang Kondusif**

172. Sebuah negeri maju bukan sahaja diukur dengan kemajuan prasarana dan infrastruktur semata-mata, aspek kebersihan, keindahan dan kesejahteraan rakyat juga perlu diberi perhatian.

173. Kerajaan Negeri sentiasa memastikan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menyedia perkhidmatan perbandaran, kemudahan sosial dan rekreasi berkualiti bagi memenuhi keperluan penduduk setempat melalui pelbagai inisiatif. Antaranya adalah Projek Pembangunan PBT Negeri Melaka bagi projek kecil BP 1, Projek Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB), Tabung Penyelenggaraan 1 Malaysia (TP1M) dan Program Rakan Taman.

## **Pemuliharan Alam Sekitar**

174. Kerajaan Negeri mencari penyelesaian terbaik bagi menyedia tapak pelupusan sampah baharu melalui sistem pelupusan sampah secara insinerator.

175. Pelaksanaan sel pertama di tapak pelupusan sisa pepejal Sungai Udang, dibina menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan berjumlah 16.5 juta ringgit.

176. Bagi perancangan jangka panjang, Kerajaan Persekutuan bersetuju memperluas sel tapak pelupusan sampah sedia ada dengan membuka sel kedua lebih besar di tapak bersebelahan fasa pertama.

177. Sel pertama tapak pelupusan yang berkeluasan 1.82 hektar telah bermula dengan kos 15.5 juta ringgit dan sel kedua dan ketiga melibatkan kawasan seluas kira-kira 7.16 hektar dengan nilai 45 juta ringgit akan beroperasi awal tahun hadapan.

178. Kerajaan Negeri bersedia menjadi negeri pertama melaksana sistem pelupusan sampah secara insinerator bagi mengatasi masalah ini. Sehingga September 2017, pusat pembuangan tersebut telah menampung kira-kira 720,000 tan sisa sejak dua tahun beroperasi melebihi 620,000 tan dengan hanya lima peratus ruang yang tinggal selepas kawasan itu digunakan semaksimumnya.

179. Dengan pembinaan pusat pelupusan baharu yang dilengkapi insinerator ini, sampah yang terhasil dapat diminimum melalui proses pembakaran selain memanjangkan tempoh kegunaan di samping berupaya menghasilkan tenaga untuk kegunaan rakyat.

## **STRATEGI KETIGA**

### **MEMPERKASA PEMBANGUNAN MODAL INSAN**

180. Pembangunan modal insan penting bagi meningkatkan produktiviti ekonomi dan kerajaan sedar bahawa negara tidak boleh bergantung kepada *the old economy* tetapi perlu berhijrah ke *new economy*.

181. Oleh itu, pembangunan modal insan penting supaya mereka boleh mengharungi era Revolusi Perindustrian (*industrial revolution*) (IR) 4.0 yang dikemudi oleh *digital economy* berasas kepada *Knowledge Economy* sepertimana yang disaran oleh YAB Perdana Menteri dalam ucapan bajet baru-baru ini di Pe-Tunjang ke-6.

#### **Pembangunan Modal Insan ICT**

182. Demi memacu perkhidmatan awam ke tahap tersebut, sistem penyampaian sektor awam perlu berubah seiring kemajuan teknologi dan jangkaan rakyat kepada perkhidmatan yang lebih canggih.

183. Untuk itu, Kerajaan Negeri memperuntuk sejumlah 1 juta ringgit bagi menaiktaraf pembangunan sistem pendaftaran dan semakan keputusan peperiksaan sekolah-sekolah JAIM, menaiktaraf rangkaian Melaka\*Net serta naiktaraf perkakasan *blade* dan *storage server* Kerajaan Negeri.

184. Bagi memantapkan infrastruktur jalur lebar berkelajuan tinggi di Malaysia, Pelan *Fiber* Seluruh Negara (2017-2019) akan dilaksana bersama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM). Pelaksanaan *Proof of Concept* (PoC) inisiatif pelan *fiber* ini akan dilaksana di Perumahan Polis Jasin yang melibatkan 178 buah rumah.

185. Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Telekom Malaysia (TM) turut melaksana pembangunan Projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi *High Speed Broadband* (HSBB), Jalur Lebar Pinggir Bandar (*Sub Urban Broadband* (SUBB) dan Jalur Lebar Luar Bandar *Rural Broadband*, (RBB).

186. Kerajaan Negeri dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi Multimedia (SKMM) juga telah melaksana Program Pemberian Perkhidmatan Sejagat (USP) yang terdiri daripada pembangunan Pusat Internet di premis komuniti awam di Melaka seperti 29 buah Pusat Internet 1 Malaysia, 56 buah WiFi Komuniti dan 8 buah Pusat Wifi Komuniti yang majoritinya berada di kawasan luar bandar akan diperluas dari semasa ke semasa.

187. Di samping itu, Kerajaan Negeri melalui TM akan menyediakan kemudahan melayari *internet* secara percuma, dengan pemasangan Wi Fi di semua pusat perhentian bus dan teksi utama negeri iaitu di Melaka Sentral, Perhentian Bas Alor Gajah, Perhentian Bas Masjid Tanah dan Perhentian Bas Pulau Sebang serta Perhentian Bas di Merlimau, Jasin.

188. Secara keseluruhan, Kerajaan Negeri menggalakkan pembangunan prasarana dan aplikasi menggunakan medium ICT selain menyokong pelaksanaan Bandar Pintar Melaka sebagai langkah menggiatkan ekonomi digital.

### **Pendidikan**

189. Pembangunan Modal Insan sebagai paksi utama kepada landasan kecemerlangan generasi masa hadapan serta aset insani paling penting

bagi membina sebuah bangsa berminda kelas pertama atau *first class mentality*.

190. Dengan jumlah Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang semakin meningkat, telah menjadikan Melaka pusat kecermerlangan akademik seterusnya berjaya melahirkan ramai graduan berkualiti. Sehingga kini, terdapat 50 IPT di Melaka, iaitu 22 buah IPT awam dan 28 buah IPT swasta.

### **Perpustakaan**

191. Usaha menyemai dan mewujudkan budaya membaca dalam kalangan penduduk desa akan dapat direalisasi dengan pembinaan perpustakaan awam desa di Lubok China dan Asahan dengan peruntukan 1 juta ringgit.

192. Dengan terbinanya perpustakaan yang dilengkapi bahan bacaan dan kemudahan teknologi maklumat ini, ia akan menjadi sumber informasi dan rujukan para pelajar dan masyarakat khususnya generasi muda.

### **Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka (TAPEM)**

193. Hasrat ini selari dengan misi penubuhan Tabung Amanah Pendidikan Negeri (TAPEM) yang ingin menjadikannya agensi pemangkin utama dalam menggalak dan memperkasa semangat daya juang anak Melaka ke arah pencapaian dan penguasaan ilmu pengetahuan serta kemahiran tinggi dan menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan Negeri.

194. Sehingga kini, TAPEM telah berjaya melaksana fungsinya sebagai penyalur kewangan kepada para pelajar anak Melaka yang memerlukan bantuan pendidikan. Antaranya ialah: -

- Pemberian Pinjaman Wang Pengajian Tinggi kepada bakal pelajar IPTA;
- Sumbangan Bantuan Persekolahan kepada pelajar sekolah rendah;
- Sumbangan Biasiswa Kecil kepada pelajar sekolah menengah;
- Pemberian Sumbangan atau “duit poket” kepada pelajar mengikut kategori pengajian sebagai persiapan sebelum memasuki IPTA;
- Sumbangan Dermasiswa kepada pelajar yang melanjutkan pelajaran dalam Pengajian Islam; dan
- Sumbangan Tambang juga diberi kepada pelajar yang melanjutkan pelajaran dalam Pengajian Islam di Mesir.

### **Pinjaman Wang Pengajian Tinggi**

195. Dalam tempoh lima tahun ini, Kerajaan Negeri juga telah membelanja sejumlah 47.94 juta ringgit daripada Pinjaman Wang Pengajian Tinggi untuk kegunaan anak-anak Melaka melanjutkan pelajaran ke menara gading.

### **Biasiswa Melaka**

196. Selain itu, Kerajaan Negeri juga memberi biasiswa Melaka sebagai bantuan kewangan kepada pelajar-pelajar dari keluarga berpendapatan rendah, mempunyai rekod disiplin dan prestasi akademik yang baik serta aktif dalam bidang ko-korikulum di peringkat sekolah menengah.

197. Biasiswa ini hasil sumbangan Kerajaan Negeri, Yayasan Melaka, Majlis Agama Islam Melaka (MAIM), Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB), Hospital Pakar Putra, Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM), Kumpulan Melaka Berhad (KMB), Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) dan Perbadanan Tanah Adat Melaka (PERTAM).

198. Sejak lima tahun ini, Kerajaan Negeri telah menyediakan sejumlah 20.2juta ringgit biasiswa kepada pelajar Melaka bagi tujuan bantuan pendidikan kepada anak-anak Melaka. Kerajaan Negeri melalui TAPEM menyedia peruntukan berjumlah 13.2 juta ringgit dalam bentuk pelbagai pinjaman dan 7.9 juta ringgit sebagai insentif biasiswa bagi tahun 2018.

### **Bantuan Pendidikan MAIM**

199. Kerajaan Negeri melalui MAIM turut menyedia bantuan zakat pendidikan kepada anak-anak asnaf bagi menyuntik kesedaran dan semangat untuk berjaya selain mengubah mentaliti dan persepsi mereka untuk tidak terus mewarisi kehidupan sebagai fakir dan miskin. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan Negeri melalui MAIM telah memperuntukan sejumlah 1.2 juta ringgit.

### **Kolej Universiti Islam Melaka**

200. Kolej Universiti Islam Melaka atau KUIM iaitu Institusi Pengajian Tinggi milik penuh Kerajaan Negeri akan dinaiktaraf ke Universiti Penuh dalam masa terdekat. Persediaan sedang dilakukan dengan menaiktaraf kemudahan seperti makmal komputer, perpustakaan, bilik belajar serta kompleks sukan untuk keselesaan pelajar.

### **Tahfiz**

201. Kerajaan Negeri Melaka merupakan negeri pertama yang memperkenalkan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) agar Sistem pengurusan tahfiz di negeri ini lebih terurus dan termaktub di bawah pelan Tindakan Pelaksanaan (DPTN) yang ditetapkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dibawah penyeliaan Jabatan Agama Islam Melaka.

202. Pada masa ini terdapat 52 Institusi Pendidikan Islam Swasta (IPIS) beroperasi dengan 37 buah dalam proses pendaftaran manakala baki 4 buah masih belum didaftarkan dengan pihak Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM). Pihak JAIM juga dalam tindakan mengenalpasti dan mengawasi 11 lagi pusat Tahfiz di negeri ini.

### **Memartabat Syariat Islam**

203. Kerajaan Negeri sentiasa berusaha memartabat syiar dan syariat Islam melalui pembangunan institusi keagamaan, mengadakan pelbagai program dan melaksana aktiviti yang sesuai berlandaskan Islam.

204. Untuk itu, pada tahun 2018, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan seperti berikut: -

- Pembinaan Sekolah Rendah Agama (SRA) dan masjid (Bina Baru dan projek sambung) - 7 juta ringgit;
- Penyelenggaraan dan pembaikan kecil masjid dan surau – 1.3 juta ringgit;
- Penyelenggaraan dan pembaikan SRA dan tadika (JAIM) - 1.7 juta ringgit;

- Pengurusan Jabatan Agama Islam - 74.9 juta ringgit; dan
- Pengurusan Mahkamah Syariah- 4.9 juta ringgit

### **Budaya Integriti Di kalangan Penjawat Awam**

205. Menurut *Thomas A. Edison*: *I never did anything by accident, nor did any of my inventions come by accident; they came by work.*

206. Begitu juga halnya apabila saya memperkenalkan slogan Berkat, Tepat, Cepat. Saya percaya semua tindak tanduk dari segi agama dan undang-undang manusia, niat diambil kira sebagai perkara pokok atau utama.

207. Kita mestilah memulakan tindakan dengan niat untuk mendapat keberkatan, dengan itu, gerak kerja ke arah hasil yang tepat dan cepat, Insya-Allah, adalah proses yang lurus, tetapi jika kita memulakan tindakan hanya untuk tepat dan cepat belum tentu melalui proses yang lurus dan betul dan tentunya tidak akan mendapat keberkatan.

Sepertimana hadis Rasulullah SAW menyebut: “*Ada empat perkara, sesiapa yang melakukannya, maka ia adalah munafik yang tulen. Sesiapa yang melakukan satu daripada empat perkara itu, maka ia mempunyai salah satu daripada sifat munafik, hingga dia meninggalkannya, (empat sifat itu ialah) apabila dipercayai ia khianat, apabila bercerita, ia berdusta, apabila berjanji ia mungkir dan apabila bertengkar, ia mengenepikan kebenaran (menegakkan benang basah)*” . - (HR. Ahmad).

208. Pada 8 Mac 2017, Kerajaan Negeri telah melaksana Ikrar Bebas Rasuah (IBR) atau *Corruption Free Pledge* yang diperkenalkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi memastikan

operasi pentadbiran Kerajaan Negeri bersih daripada rasuah dan salah guna kuasa disaksikan oleh Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM).

209. Melaka merupakan negeri ketiga selepas Sarawak dan Kedah dan sehingga kini, kesemua PBT di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri dan Pejabat Daerah Alor Gajah telah melaksana ikrar ini. Beberapa Jabatan/Agensi Negeri dalam perancangan ke arah itu.

210. Gerakan Revolusi Anti Rasuah atau GERAH yang diperluas ke semua peringkat masyarakat dilihat dapat memberi peluang bersama-sama membantu SPRM sebagai mata dan telinga, serta agen selain menyumbang tenaga dan buah fikiran untuk menyebar luas mesej anti rasuah.

211. Sehingga 9 November 2017 seramai 8,311 penjawat awam dari pelbagai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri dan Persekutuan telah mengemukakan borang pendaftaran SAHABAT GERAH melebihi sasaran sekali gus membuktikan penjawat awam Melaka komited membanteras segala bentuk rasuah serta perlakuan yang mendorong kepada berlakunya rasuah, musuh utama negara.

212. Ketua-ketua jabatan juga perlu mewujudkan satu bentuk *alert/warning system* sebagai peringatan agar menjauhi rasuah dan penyelewengan seterusnya memperkasa nilai-nilai integriti, amanah, tanggungjawab serta keikhlasan dalam melaksana tugas.

213. Semoga dengan keazaman serta kesungguhan pegawai kanan dan kakitangan awam, dapat membantu ke arah mewujudkan sebuah perkhidmatan awam yang terbilang dan cemerlang serta disegani.

**YB Datuk Wira Speaker,  
Ahli-Ahli Yang Berhormat;**

### **Penutup**

214. Sesungguhnya benarlah sepetimana sabda Rasulullah SAW dalam hadis baginda:

"مَنِ اسْتَوَىٰ يَوْمًا فَهُوَ مَغْبُونٌ ، وَمَنْ كَانَ يَوْمًا شَرًّا مِّنْ أَمْسِهِ فَهُوَ مَلْعُونٌ"

Maksudanya: "Barangsiapa yang dua harinya (*hari ini dan kelmarin*) sama, maka ia telah merugi, barangsiapa yang harinya lebih buruk dari hari sebelumnya, maka ia tergolong orang-orang yang terlaknat." (Riwayat Al-Baihaqi).

215. Bajet yang dibentangkan hari ini merupakan *foundation* dan pembinaan yang kukuh terletak di bahu pemimpin dan penjawat awam demi mencipta lebih banyak kejayaan dalam episod kedua Melaka Maju Fasa ke-2. Seperti kata pantun ini.

*Beras segantang sudah disukat,  
Disimpan ia di atas para,  
Andai jentera kerajaan terus muafakat,  
Melaka aman rakyat sejahtera.*

Bagi menyudahi tirai pementasan Bajet 2018, maka Kerajaan Negeri bersetuju memberi beberapa insentif demi kesejahteraan rakyat.

- Seiring dengan agenda menyedia perumahan yang selesa dan kondusif kepada rakyat, kerajaan negeri akan melancarkan pelan

pembaikan rumah besar-besaran untuk rakyat yang kurang berkemampuan bernilai 2.8 juta ringgit dengan diselaraskan di peringkat Japerun seluruh negeri melalui tabung Lembaga Perumahan Negeri Melaka;

- Kita mengetahui bahawa anggota tentera yang berkhidmat dengan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah bertungkus-lumus ketika di zaman darurat, menghadapi ancaman komunis sehingga kita dapat menikmati udara keamanan dan kesejahteraan hari ini. Jasa dan pengorbanan mereka tidak mungkin mampu disamakan dengan nilai bersifat kebendaan. Bagi mengenang jasa-jasa mereka dan sebagai ucapan terima kasih, Kerajaan Negeri bersetuju memberi insentif berjumlah 500 ribu ringgit kepada anggota tentera kelahiran Melaka yang berhenti tidak berpencen dengan 250 ringgit seorang;
- Sumbangan anggota Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dalam membantu masyarakat serta menjaga keselamatan negara juga tidak kurang pentingnya dan wajar dihargai. Bagi terus menggalakkan semangat kesukarelaan dalam kalangan anggota RELA, Kerajaan Negeri bersetuju memperuntukkan 1.053 juta kepada 3,512 anggota RELA yang tidak berpencen berumur 60 tahun ke atas dan masih berkhidmat dengan bayaran *one-off* sebanyak 300 ringgit seorang;
- Golongan nelayan sentiasa berada dekat di hati saya. Meskipun terdedah kepada pelbagai risiko, nelayan tetap cekal berusaha tanpa mengenal erti penat lelah bagi memastikan bekalan makanan yang sihat serta rendah kolestrol seperti ikan mencukupi. Saya amat menyanjung tinggi sumbangan mereka. Oleh itu, Kerajaan Negeri bersetuju memberi ganjaran *one-off* sejumlah 420 ribu ringgit

kepada 1,400 orang nelayan yang berdaftar dengan 300 ringgit seorang atas jasa mereka kepada masyarakat dan bagi membantu meringankan beban kerana terjejas pendapatan akibat projek tambak laut;

- Kerajaan Negeri tidak pernah meminggirkan golongan warga emas yang turut sama menyumbang kepada kemajuan negeri ini. Bagi menghargai dan mengiktiraf golongan warga emas, Kerajaan Negeri akan memberikan sumbangan sejumlah 10,000 unit cermin mata jenis rabun jauh kepada warga emas yang kurang berkemampuan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat peringkat Japerun di seluruh negeri Melaka;
- Menyedari bahawa anak-anak kita yang melepas keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) akan berhadapan dengan keperluan kewangan untuk memasuki alam universiti dan institusi pengajian tinggi, maka Kerajaan Negeri akan memberi insentif sebagai galakan kepada anak-anak yang berkeputusan cemerlang dan mendapat A dalam semua mata pelajaran SPM dan STPM serta Mumtaz bagi STAM sebanyak 500 ringgit kepada setiap pelajar;
- Kerajaan Negeri turut mengambil kira kecemerlangan anak-anak di dalam peperiksaan UPSR. Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk memberi ganjaran kepada pelajar UPSR 2017 yang mendapat keputusan A bagi semua mata pelajaran iaitu 100 ringgit setiap seorang. Bagi anak-anak dari keluarga yang berpendapatan B40 ke bawah, kerajaan negeri bersetuju untuk menambah 150 ringgit lagi kepada 250 ringgit setiap orang dan akan dibayar pada Januari

2018. Tahun ini, negeri Melaka telah mengalami peningkatan dari segi kualiti keputusan. Pada tahun 2016 kita mempunyai 159 calon mendapat A dalam semua mata pelajaran, manakala pada tahun 2017, meningkat kepada 325 orang dan ia adalah satu petanda baik.

- Bunga sifatnya sangat sentimental. Tiap-tiap sekuntum bunga biasanya adalah wangi. Bagi dirinya wangi dan bagi orang yang menciumnya berbau harum dan wangi. Bunga yang berwarna-warni diibaratkan sebagai para guru yang disukai oleh semuai kerana budi pekertinya yang menarik. Bagi guru begitulah hendaknya sentiasa mewangi anak bangsanya tanpa mengendah penat dan lela. Sebagai menghargai jasa-jasa guru yang telah berkorban untuk menerangi kehidupan, maka Kerajaan Negeri bersetuju memberi sumbangan *one-off* 500 ringgit kepada 345 guru pendidikan termasuk guru KAFA yang bakal bersara sepanjang tempoh Januari hingga Disember tahun 2018 berjumlah 172,500 ringgit;
- Kerajaan negeri memahami bahawa cita-cita *ultimate* bagi seorang penganut Islam adalah untuk menunaikan haji di Tanah Suci Mekah sebagai pelengkap kepada Rukun Islam yang kelima. Kerajaan negeri juga menyedari bahawa perbelanjaan harian di kota suci kadang kala memerlukan keselesaan kewangan. Oleh kerana itu kerajaan negeri memperuntuk sebanyak 500 ringgit kepada jemaah haji pertama kali yang berusia 60 tahun ke atas yang tidak berpencen yang bakal menunaikan haji tahun hadapan;
- Sebagai menggalakkan ibu bapa muda menabung demi menjamin masa depan anak-anak, maka Kerajaan Negeri juga bersetuju menaikkan sumbangan pembukaan akaun Tabung Pendidikan Skim

Sijil Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i) dari 20 ringgit kepada 50 ringgit bermula kelahiran tahun 2018;

- Kerajaan negeri turut prihatin dengan kebijakan ibu-ibu tunggal yang berusia 69 tahun ke atas yang tidak mempunyai pencen terbitan serta anak tidak bekerja tetap dan berada dalam kumpulan B40. Kerajaan Negeri bersetuju memperuntukkan 3,600 ringgit kepada 12 ibu tunggal iaitu bayaran one-off 300 ringgit menjelang musim perayaan bermula Tahun Baharu Cina, Aidilfitri, Deepavali diikuti dengan Krismas tahun hadapan;
- Bagi mengenang jasa bekas-bekas pekerja kontrak Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Pembantu Awam Gred H11/14 yang telah berkhidmat lebih 25 tahun, berusia 70 dan ke atas yang tidak berpencen yang terlibat secara langsung dalam membantu Kerajaan negeri mengindahkan Melaka dengan bunga-bungaannya serta kebersihan dan rumput-rumput yang sentiasa terjaga. Kerajaan Negeri bersetuju memperuntukkan bantuan one-off sebanyak 300 ringgit kepada mereka atas jasa dan khidmat bakti kepada Negeri Melaka;
- Kerajaan Negeri juga tidak melupakan bantuan kepada orang muda. Prihatin dengan nasib orang muda yang berusia di bawah 30 tahun yang terlantar lebih setahun akibat kemalangan dan telah berkeluarga. Maka Kerajaan Negeri bersetuju memperuntukkan 32,500 ringgit kepada 65 orang muda yang terlantar akibat kemalangan iaitu bantuan one-off sebanyak 500 ringgit kepada penjaga bagi meringankan beban mereka; dan akhir sekali

216. Sebagai pengiktirafan kepada Penjawat Awam Negeri atas khidmat bakti mendokong kemajuan serta melaksana sistem penyampaian perkhidmatan dengan cekap dan berkesan kepada rakyat, maka sukacita saya mengumumkan pemberian bonus 1,500 ringgit serta tambahan 500 ringgit kepada semua penjawat awam negeri yang akan dibayar pada awal tahun 2018 berjumlah 1,000 ringgit dan 1,000 ringgit lagi menjelang Aidilfitri.

217. Semoga semua insentif yang diberikan ini memberi manfaat dan dapat membantu golongan rakyat yang benar-benar memerlukan. Kepada seluruh warga perkhidmatan awam dan rakyat Melaka, marilah kita berganding bahu melaksana strategi yang telah digariskan dalam ucapan saya sebentar tadi.

218. Sekali lagi, setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Persekutuan atas segala sokongan, bantuan serta peruntukan yang telah diluluskan kepada negeri Melaka. Kepada semua pihak yang terlibat secara langsung ataupun tidak dalam penyediaan Bajet 2018 ini, terima kasih saya ucapkan.

Mengakhiri ucapan ini, Firman Allah SWT dalam surah Asy-Syuraa, ayat 20:

مَنْ كَانَ يُرِيدُ حَرثَ الْآخِرَةِ نَزَدْ لَهُ وِفِي حَرثِهِ ۚ وَمَنْ كَانَ يُرِيدُ حَرثَ الدُّنْيَا نُؤْتِهِ مِنْهَا وَمَا لَهُ وِفِي الْآخِرَةِ مِنْ نَصِيبٍ

٢٠

*"Sesiapa yang menghendaki (dengan amal usahanya) mendapat faedah di akhirat, Kami akan memberinya mendapat tambahan pada faedah yang dikehendakinya dan sesiapa yang menghendaki (dengan amal usahanya) kebaikan di dunia semata-mata, Kami beri kepadanya dari kebaikan dunia itu (sekadar yang Kami tentukan) dan dia tidak akan beroleh sesuatu bahagian pun di akhirat kelak."* (Surah Asy-Syuraa, ayat 20).

232. Saya doakan majlis kita pada pagi ini dirahmati Allah SWT dan perpisahan kita selepas ini dilindungi-Nya dan kita semua tergolong dalam kalangan mereka yang beriman.

**Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,**  
Saya mohon mencadangkan.

-Tamat-